

Program tanam bakau pengalaman amat berharga

TUMPAT 15 Nov. – Bagi seramai 20 orang pelajar Maktab Sultan Ismail (SIC) dan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Zainab 1 Kota Bharu, peluang menyertai Program Penanaman Pokok Bakau Delta Kelantan baru-baru ini merupakan suatu pengalaman yang amat berharga.

Walaupun dalam waktu yang singkat, apa yang dilalui, membuatkan mereka lebih menghargai alam yang selama ini mereka anggap suatu yang tidak mempunyai nilai dalam kehidupan.

Mereka menyertai program yang dilaksanakan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan bagi meningkatkan kesedaran di kalangan pelajar mengenai kepentingan pemuliharaan flora dan fauna di kawasan persisiran pantai itu.

Ia juga bertujuan menggalakkan penglibatan aktif pelbagai lapisan masyarakat dalam aktiviti penanaman pokok tersebut yang se-



ZAHRUL NIZAM



AMIN ZAINAL ZA'AB



SITI NUR AMIRA



WAN AHMAD

kali gus menyemai rasa tanggungjawab bersama.

Pelajar dari SIC, Zahrul Nizam Zainul Rizam, 15, berkata, penyertaan pelajar untuk bersama dalam program menanam pokok bakau itu amat baik.

“Kami mendapat pendedahan secara terus dan itu merupakan pengalaman yang paling berkesan kerana bersama-sama di tapak tanaman,” katanya.

Dia yang sebelum ini belajar di Sekolah Menengah Chatham, New Jersey, New York,

berkata, banyak kegiatan luar kelas diadakan di sekolahnya itu tetapi tidak pernah terlibat dalam program pemuliharaan itu.

Amin Zainal Za'aba, 15, berkata, dia gembira dapat menyertai julung-julung kalinya program Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan itu dan memberi pengalaman luar bilik darjah yang berkesan.

“Saya dapat bersama menanam anak pokok bakau di pulau dan mungkin pada masa depan akan menjadi punca ekonomi kepada penduduk setempat sebagai kayu api dan arang pada masa hadapan,” katanya.

Dia juga difahamkan hutan paya bakau mempunyai peranan penting untuk kestabilan tanah di samping kaya dengan fungsi pengawalan ekosistem hutan berkenaan.

Pelajar dari SMK Zainab 1, Siti Nur Amira Mohd. Khir Low, 15, berkata, baginya pengalaman menaiki bot dan menanam benih

bakau tersebut di Pulau Layang-Layang itu merupakan satu pengalaman manis.

“Saya tidak pernah menjangka berpeluang bersama rakan mengikuti program berkenaan di samping dapat menaiki bot di persisiran pantai Tumpat itu,” katanya.

Selain itu dapat pula katanya, menyertai acara sampingan mencari lokan serta menjawab soalan kuiz sempena program pemuliharaan kawasan paya itu.

Guru Geografi SMK Zainab 1, Wan Ahmad Yusnizar Wan Yaacob berkata, pertama kali pelajar dari sekolahnya berpeluang mengikuti program itu bagi mendapatkan pengetahuan.

Baginya program berkenaan amat berkesan secara teori dan praktikal mengenai pemuliharaan kawasan berkenaan yang mempunyai satu ekosistem serta saling berinteraksi dan menjadi penghubung antara daratan dan lautan.